

CNS8928
R GB 15-08 00160 BA422
aab

Mahathir - Yayasan
Khairdzir

LANGKAWI, 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan penubuhan Amanah Saham Anak Langkawi (ASAL) khusus untuk membantu penduduk pulau ini.

Beliau berkata, yayasan itu ditubuhkan memandangkan sesetengah penduduk di sini tidak menikmati faedah pembangunan kerana kawasan mereka tidak dapat dibangunkan bagi mengekalkan daya tarikan pelancong.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, wang yang diperolehi melalui pelaburan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) akan dimasukkan ke dalam tabung itu untuk digunakan bagi membantu penduduk Langkawi dalam beberapa bidang.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Lembaga Pengarah LADA dan ketua-ketua jabatan di pejabat daerah di sini. Yang turut hadir ialah pengerusi bersama LADA, iaitu Menteri Besar, Tan Sri Haii Osman Aroff dan bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Beliau berkata, peranan yayasan itu secara terperinci dan cara ia dapat membantu penduduk Langkawi akan disusun dan ditentukan kemudian. -- Lagi

♥15/08/16-32MST

CNS8933

R GB 15-08 00125 BA423
aab

Mahathir - Yayasan 2 Langkawi

+Bukanlah kita nak bagi duit kepada orang tetapi kita nak bagi kemudahan-kemudahan tertentu kepada penduduk Langkawi,+ kata beliau.

Menurutnya, yayasan itu mungkin akan mengeluarkan pinjaman kepada penduduk Langkawi, bagaimanapun ia akan dipertimbangkan terlebih dahulu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau sedar penduduk Langkawi kini dapat menikmati kemudahan membeli belah tanpa membayar cukai sejak pulau itu dijadikan kawasan bebas cukai.

Katanya, taraf bebas cukai yang diberikan kepada Langkawi juga telah menyebabkan harga tanah meningkat dengan begitu tinggi dan ramai daripada penduduk pulau itu mendapat pendapatan yang tinggi daripada penjualan tanah kepada pengusaha.

+Tetapi kita dapati bahawa ada penduduk Langkawi yang mendapat nikmat kurang daripada yang lain. -- Lagi

♥15/08/16-35MST

CNS8960

R GB 15-08 00146 BA424
aab

Mahathir - Yayasan 3 Langkawi

+Umpamanya, ada kawasan yang tidak boleh dibangunkan kerana mengikut plan struktur pembangunan Langkawi, kalau dibangunkan sebagai hotel misalnya akan merosakkan daya penarik Langkawi,+ tambah beliau.

Perdana Menteri yang juga diberi taklimat mengenai pembangunan Langkawi oleh ketua-ketua jabatan dalam perjumpaan itu, melahirkan perasaan puas hati dengan pencapaian program-program pembangunan di pulau itu.

Beliau bagaimanapun, melahirkan perasaan khuatir mengenai kemungkinan bilangan bilik penginapan tidak mencukupi untuk menampung permintaan semasa diadakan pameran +Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition November ini.

Menurutnya, dianggarkan 1,000 bilik diperlukan semasa pameran itu.

Bagaimanapun, katanya kerajaan mempunyai rancangan sementara untuk mengatasi masalah itu. Tetapi beliau tidak menjelaskan lebih lanjut rancangan sementara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir tiba di sini petang semalam untuk lawatan dua hari bagi meninjau projek pembangunan di sekitar pulau ini. -- Bernama